

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2001/2002**

**SEPTEMBER 2001**

**RMK 152 - PRINSIP-PRINSIP EKONOMI BANGUNAN**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan: Jawab **SATU** soalan daripada setiap **Bahagian A, B and C** dan mana-mana **SATU** soalan dari **Bahagian A atau B**.

**BAHAGIAN A**

1. a) Apakah yang anda faham mengenai konsep keanjalan permintaan dari harga?

(3 markah)

Huraikan **EMPAT** faktor-faktor yang boleh memberi kesan kepada keanjalan permintaan.

(8 markah)

- b) Dengan menggunakan lakaran-lakaran sesuai apakah yang dimaksudkan dengan:

- (i) permintaan anjal
- (ii) permintaan tak anjal
- (iii) permintaan tak anjal sempurna
- (iv) permintaan anjal unitari

(8 markah)

- c) Bagaimanakah seorang pengurus pasaraya menggunakan konsep keanjalan permintaan dalam mengendalikan perniagaannya?

(6 markah)

(25 MARKAH)

2. (a) Terangkan bagaimana harga keseimbangan boleh dicapai dalam pasaran. Gunakan lakaran yang sesuai untuk menyokong perbincangan anda.

(12 markah)

...2/-

- 2 -

- (b) Mekanisme harga boleh jadi tak seimbang akibat dari tindakan-tindakan yang diambil umpamanya, dari pihak kerajaan. Bincangkan.

(13 markah)

(25 MARKAH)

**BAHAGIAN B**

3. a) Apakah hujah-hujah yang diberikan oleh penyokong perdagangan bebas?
- b) Jikalau perdagangan mendatangkan kebaikan, kenapakah sesetengah negara mengadakan pelbagai sekatan pedagangan?
- c) Jelaskan dengan ringkas **DUA** daripada kaedah menghalang perdagangan bebas yang tersenarai di bawah:
- (i) tarif (duit import)
  - (ii) kuota
  - (iii) embargo
  - (iv) perjanjian menghadkan eksport secara sukarela

(25 MARKAH)

4. a) Dengan merujuk kepada tindakan yang boleh diambil oleh klien, jelaskan dengan ringkas persaingan-persaingan yang berkemungkinan wujud dalam sektor pemberongan binaan.

<b>Saiz</b>	<b>Bilangan</b>
Kurang 5	2,084
5-9	2,222
10-19	1,952
20-29	950
30-49	1,038
50-99	1,138
100-199	704
200-499	473
500-999	126
1,000 ke atas	68
<b>Jumlah</b>	<b>10,755</b>

Bilangan firma mengikut jumlah pekerja bagi tahun 1996.

Sumber: Banci Industri Pembinaan 1997, Jabatan Perangkaan Malaysia

- 3 -

- b) Jelas kenapa firma yang berbagai saiz dapat wujud di dalam industri pembinaan.
- c) Sebutkan kebaikan dan keburukan adanya bilangan firma pemborongan yang begitu banyak di dalam industri pembinaan.

**(25 MARKAH)**

**BAHAGIAN C**

- 5. Pembangunan boleh membawa kepada kebaikan (Angel) dan keburukan (Devil) bagi sesuatu negara yang sedang membangun. Jelaskan pengertian kebaikan dan keburukan dalam kontek ini. Bagi pendapat anda pembangunan yang sebagaimana harus dilaksanakan bagi negara-negara yang sedang membangun.

**ATAU**

Pergantungan dan Modernisasi adalah dua kaedah pembangunan yang berbeza. Jelaskan maksud “Pergantungan” dan “Modernisasi”. Merujuk kepada negara-negara yang sedang membangun (dengan memberi contoh), jelaskan bagaimana kedua-dua kaedah ini dapat dilaksanakan bagi pembangunan untuk negara itu.

**(25 MARKAH)**

-0000000-

